

Aplikasi bantu selesai masalah pengguna dengan lebih mudah

KEPESATAN dalam bidang teknologi sejak sedekad lalu menyaksikan pelbagai perkara boleh diselesaikan di hujung jari.

Atas sebab itu, banyak aplikasi dibangunkan bagi memudahkan urusan masyarakat masa kini.

Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Azmawani Abd. Rahman berkata, sebagai usahawan



AZMAWANI

mereka perlu respons akan kehendak pelanggan untuk menjana idea sesuatu perniagaan.

“Permasalahan yang berlaku kepada pengguna kadangkala boleh menjadi satu idea untuk seseorang itu membangunkan sesebuah perniagaan.

“Mereka perlu peka dan menjadi penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi

pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan yang pengguna perlukan,” jelasnya.

Tambahnya, seiring perkembangan teknologi, kini banyak aplikasi yang dibangunkan membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pengguna.

Dalam pada itu, Azmawani menjelaskan, bidang perniagaan sedang melalui fasa perkembangan industri 4.0.

Perkembangan fasa industri 4.0 merujuk kepada sesuatu yang

berteraskan sistem siber dan fizikal yang membantu sesuatu perniagaan memperluaskan jaringan pasarannya.

“Maka, tidak hairanlah ramai usahawan cuba membangunkan aplikasi-aplikasi terkini yang bersesuaian dengan perniagaan untuk mereka terus berdaya saing.

“Banyak juga syarikat yang meminta bantuan penyelidik daripada UPM bagi membangunkan aplikasi-aplikasi yang bersesuaian dengan perniagaan mereka,” katanya.